

ARAHAH PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 3/1982

**MENYEMPURNAKAN PERINTAH MAHKAMAH DI BAWAH
SEKSYEN 417 DAN SEKSYEN 420 KANUN TANAH NEGARA**

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah, Kelantan untuk menyelaraskan tindakan perlaksanaan perintah-perintah Mahkamah mengenai pendaftaran pindahmilik di bawah Seksyen 417 Kanun Tanah Negara dan perintah perletakan-hak (vesting orders) di bawah Seksyen 420 Kanun Tanah Negara. Adalah didapati apa yang dilakukan oleh Pemungut Hasil Tanah sebagai Pendaftar dari segi prosedurnya, berbeza di antara satu sama lain, mengikut fahaman atau kelaziman yang dijalankan oleh Pejabat Tanah masing-masing. Ada yang melaksanakannya dengan menggunakan Borang 14A KTN dan ada yang tidak. Perbezaan amalan yang telah dibuat seperti ini pernah menimbulkan beberapa kesulitan semasa kes-kes seperti ini di bawa ke Mahkamah untuk penyelesaian selanjutnya.

2. Kerumitan yang telah timbul di Mahkamah itu telah di bawa ke pengetahuan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri. Setelah membincangannya dengan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Kota Bharu, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri telah menasihatkan seperti berikut :-

"Mengikut amalan sekarang ini kesemuanya Perintah Mahkamah hendaklah disempurnakan malalui Borang 14A KTN. Sekiranya perlaksanaan Borang 14A KTN tidak dapat disempurnakan disebabkan umpamanya pemindahmilik engkar atau enggan berbuat demikian maka bolehlah penerima pindahmilik berjumpa Penolong Kanan Pendaftar meminta ianya menandatangani diruang pindahmilik sebagai menyempurnakan Perintah Mahkamah itu".

3. Semua Pemungut hasil Tanah adalah dikehendaki mengambil perhatian kandungan arahan ini dan melaksanakan semua Perintah Mahkamah sebagaimana yang dinasihatkan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri.

t.t

(**Abdul Hamid Bin Hj Abu Bakar**)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 9HB.MEI, 1982

[FAIL: PTG.(KN.) 63/75/(11)]

Kepada :-

Semua Pemungut Hasil Tanah
Kelantan

Salinan Kepada :-

1. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kelantan.
2. Penolong Pendaftar Kanan,
Mahkamah Tinggi, Kota Bharu